

08/07/1997

769 syarikat sertai Lima 97

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebanyak 769 syarikat dari 32 negara mengesahkan penyertaan mereka di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1997 (Lima 97), Disember ini, pameran udara ketiga terbesar di dunia selepas Paris di Perancis dan Farnborough di United Kingdom.

Daripada 769 syarikat itu, 534 mengambil bahagian dalam pameran udara di Pusat Pameran Antrabangsa Mahsuri (MIEC) manakala 235 syarikat bagi pameran maritim berpusat di Tanjong Malai selama lima hari, bermula 2 Disember.

Antara syarikat yang mengambil bahagian ialah British Aerospace dan GEC-Marconi Ltd dari British, McDonnell Douglas dan Northrop Grumman (Amerika Syarikat) dan Hawker Pacific (Australia).

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, berkata berikutan sambutan menggalakkan itu lebih 80 peratus daripada 21,000 meter persegi ruang pameran yang disediakan sudah ditempah oleh syarikat berkenaan.

Pada Lima 95, 642 syarikat dari 34 negara mengambil bahagian membabitkan ruang pameran 7,000 meter persegi.

Penganjur Lima 97 menetapkan sasaran 1,150 syarikat daripada 38 negara mengambil bahagian termasuk 800 bagi pameran udara.

"Sambutan yang menggalakkan itu membolehkan kita mencapai matlamat yang digariskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan Lima satu daripada pameran terkemuka di dunia," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Lima 97 di Wisma Pertahanan di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, selain pameran udara dan maritim, penganjur menggunakan pendekatan baru pada Lima 97 iaitu memberi tumpuan kepada bidang berteknologi tinggi.

Dua bidang yang dikenal pasti akan dipamerkan ialah sistem pertahanan udara secara menyeluruh, pengawasan berkomputer dan control command system.

"Russia, Perancis dan British mungkin mempamerkan bidang teknologi tinggi itu secara besar-besaran," katanya.

Lima 97 juga berpotensi menjadi medan bagi ahli perniagaan menjalankan urusan niaga sebagaimana dilakukan pada Lima 95 yang mencatat urusan niaga lebih RM700 juta.

Mengenai pertunjukan aerobatik, beliau berkata, selain Red Arrows dari Britain serta pasukan Russia, beberapa syarikat dari negara lain juga berminat mengadakan pertunjukan itu tetapi bilangannya dihadkan.

"Kami mungkin menghadkan penyertaan pasukan aerobatik bagi membolehkan kita memberi pusingan yang jelas terhadap negara yang mengambil bahagian," katanya.

Mengenai persiapan Lima 97, Syed Hamid berkata, pihaknya berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan bagi memastikan keselesaan pelawat kenamaan, profesional dan pengunjung.

Antara persiapan itu ialah menempah 6,800 bilik penginapan bagi peserta, memastikan jalan raya di Langkawi diperbaiki, bekalan elektrik dan air mencukupi dan sistem keselamatan memuaskan.

"Kami bekerjasama dengan semua agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan Lima 97 memberi keselesaan kepada semua pihak.

"Persiapan juga dilakukan secara teliti kerana Perdana Menteri menjemput ramai rakan sejawatnya dan menteri pertahanan negara lain juga dijemput," katanya.

(END)